

14 OCT 2001

LIMA (Rangkuman)

LIMA PEMANGKIN PEMBANGUNAN AEROANGKASA DAN MARITIM NEGARA

LANGKAWI, 14 Okt (Bernama) -- Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA '01) berakhir hari ini dengan pertunjukan dwi-tahunan itu semakin menonjol sebagai pemangkin pembangunan aeroangkasa dan maritim negara.

Sejak ia dimulakan 10 tahun lalu, pembangunan aeroangkasa dan maritim negara dalam tempoh tersebut turut menyaksikan pembangunan yang cergas termasuk penglibatan teknologi canggih.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata LIMA telah memainkan peranan penting menerajui pembabitan Malaysia dalam kedua-dua industri itu.

Bagi program aeroangkasa, Malaysia telah melancarkan Malaysian East Asia Sattelite (MEASAT) pada 1996 dan bekerjasama menghasilkan satelit mikro TiungSAT-1 yang dilancar ke orbit tahun lalu.

Pengarah Astronautic Technology Sdn Bhd Prof Datuk Dr Mazlan Othman berkata sebanyak lapan satelit kecil akan dilancarkan tidak lama lagi dalam perkembangan program aeroangkasa negara dan beberapa buah daripada satelit itu akan dibuat di dalam negara.

Pembabitan Malaysia dalam program angkasa adalah untuk kepentingan rakyat dengan data yang diperolehi digunakan bagi tujuan pendidikan, alam sekitar, pengurusan sumber semula jadi, komunikasi dan hiburan, katanya.

Malaysia kini bukan lagi sekadar penonton atau pengguna industri aeroangkasa tetapi terlibat secara langsung dengan kemunculan banyak syarikat yang berkecimpung dalam bidang itu.

Syarikat-syarikat itu bukan sahaja menjadi pengeluar komponen kapal terbang tetapi turut menyertai bidang rekabentuk, menghasilkan alat simulasi penerbangan dan kapal terbang ringan seperti Eagle dan MD-3.

Penghasilan terbaru termasuk Pesawat Peninjau Tanpa Juruterbang yang mampu membuat penerbangan tanpa henti selama 10 jam di kawasan lingkungan 250km dengan kelajuan 130 knot.

Ketua pegawai eksekutif SME Aerospace Sdn Bhd Lt Kol (B) Chee Eng Boon berkata pemikiran masyarakat juga telah berubah dengan tenaga kerja tempatan yang bersedia mempelajari teknologi tinggi serta menghasilkan produk yang setaraf dengan pengeluar utama industri berkenaan.

Komitmen kerajaan dan sokongan yang diberikan seperti insentif cukai, polisi, infrastruktur dan penubuhan institusi seperti Majlis Aeroangkasa Malaysia yang dipengerusi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan terus memberi sumbangan besar kepada industri itu, katanya.

Sementara itu, Pengarah Pemasaran dan Hal Ehwal Awam BAE System, Mark Ritson pula percaya Malaysia mampu menjadi anggota penting dalam industri aeroangkasa antarabangsa dalam tempoh 20 tahun akan datang bersandarkan kepada sumber, kemampuan teknologi, budaya kerja dan komitmen yang diberikan kerajaan.

Dalam sektor maritim pula, beberapa pencapaian dihasilkan seperti pembangunan bot laju bagi mengangkut anggota tentera yang boleh digunakan bagi tujuan pengawasan dan pelancongan.

Kemajuan turut dicapai dalam pembangunan alat simulasi maritim, alat pengemudian seperti sistem sonar serta produk komunikasi sistem digital dan analog.

Malah menurut Naib Presiden Kanan Sapura Holdings Sdn Bhd Wan Shaharuddin Wan Mahmood, teknologi maritim tempatan kini telah setanding dengan teknologi dari luar.

-- BERNAMA
JM NH MOZ